

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**

**TARIKH : 15 JUN 2016**

**SOALAN : 38**

**Dato' Sri Khairudin Samad** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah baik liputan ("coverage") perkhidmatan mudah alih telekomunikasi yang tidak menyeluruh di seluruh negara terutamanya di kawasan pelancongan seperti pulau-pulau sebagai usaha menambah baik mutu perkhidmatan seperti negara-negara jiran.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menambah baik liputan perkhidmatan mudah alih di seluruh negara termasuk di kawasan pelancongan seperti Pulau Langkawi, Kedah. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian adalah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) di mana projek peluasan rangkaian fiber optik serta projek peluasan liputan selular sedang dilaksanakan secara

## **SOALAN NO: 38**

berperingkat. Projek-projek ini melibatkan pembinaan menara komunikasi baru dan penaiktarafan perkhidmatan 3G dan 4G di menara-menara sedia ada di seluruh negara yang dapat memberi perkhidmatan mudah alih yang lebih berkualiti kepada pengguna.

Di bawah projek peluasan liputan selular, sebanyak 1,000 buah menara komunikasi baru telah berjaya dibina dan diaktifkan dengan perkhidmatan selular semenjak tahun 2010. Di samping itu, tambahan sebanyak 800 buah menara komunikasi lagi sedang dilaksanakan di pelbagai tempat seluruh negara.

Manakala, bagi projek penaiktarafan perkhidmatan 3G di menara sedia ada, sebanyak 1,427 lokasi telah berjaya dinaiktarafkan.

Di Pulau Langkawi sebagai contohnya, terdapat 2 buah menara komunikasi baru telah dibangunkan di samping 2 buah lokasi bagi penaiktarafan perkhidmatan 3G untuk menara sedia ada di pulau tersebut. Di samping itu, jaringan fiber optik kabel sepanjang 152km telah berjaya dipasang bagi menambah baik kualiti perkhidmatan selular di Pulau Langkawi. Inisiatif ini telah dan akan terus diperluaskan di kawasan-kawasan pelancongan yang lain seperti Taman Negara Kuala Tahan, Tasik Kenyir, Pulau Kapas dan Pulau Mantanani di Sabah.

Dengan terlaksanakannya kesemua projek-projek ini, mutu perkhidmatan mudah alih dan liputan liputan selular dapat dipertingkatkan di seluruh negara terutamanya di kawasan pelancongan demi kemudahan dan kesenangan rakyat.